



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

Minit Mesyuarat JMB MC Amansiara (2022/002)

Tarikh : 08hb April 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Pengurusan

Masa / Hari : 8.30pm / Jumaat

Hadir:

1. Ramesh Sandiran (Pengerusi Interim)
2. Michael Jude (Setiausaha Interim)
3. Ng Wai Ket
4. Soo Han Wei
5. Lim Soon Cheong
6. Kuah Poh Wei
7. Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim

Tidak Hadir Tanpa Sebab:

1. Sin Chui Ling (Bendahari Interim)
2. Law Siong Guan
3. Tam Wei Lun
4. Abdul Salam Bin Ahmad Suhaimi
5. Sauttary a/p D. Elumalai

Tidak Hadir Bersebab:

1. Lim Chee Kiong

Dijemput Hadir:

1. Encik Azharuddin bin Abd Aziz
2. Encik Liew Kim Yoong



AGENDA

- (a) Penyerahan dokumen dan penerangan tentang aplikasi eCommunity oleh Encik Azharuddin & Encik Liew;
- (b) Perbincangan mengenai usul-usul yang dikemukakan oleh penduduk pada mesyuarat agung tahunan (AGM) 2021;
- (c) Isu-isu berbangkit.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

PERMULAAN

Encik Ng Wai Ket menyerahkan surat wakil kuasa daripada Encik Lim Chee Kiong (tidak hadir atas urusan keluarga).

Mesyuarat bermula dengan ucapan dan pembentangan agenda oleh Pengerusi Mesyuarat, Encik Ramesh.



ISU KECEMASAN

Encik Ramesh memberi penjelasan tentang insiden kecemasan yang telah berlaku pada 05hb April yang lalu di mana ada pemeriksaan mengejut dilakukan oleh pihak penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN). Syarikat sekuriti, Sovereign Maritime Services (M) Sdn Bhd, dengan serta-merta telah memberikan surat penamatan perkhidmatan mereka kepada JMB MC Amansiara susulan pemeriksaan ini. Puncanya disebabkan kontrak syarikat berkenaan dengan pihak pengurusan telah tamat pada 31hb Disember 2021 dan syarikat tersebut tidak boleh membekalkan perkhidmatan tanpa kontrak yang sah.

Isu kontrak tersebut telah di bawa buat perbincangan antara wakil syarikat sekuriti dan pihak pengurusan. Keputusannya, syarikat sekuriti menolak tawaran sambungan kontrak atas sebab terdapat penduduk yang sering buat aduan kepada pihak berkuasa.

Untuk menandatangani masalah kekosongan kawalan keselamatan, langkah perlantikan sekuriti sementara waktu telah diambil dan satu surat vendor keselamatan telah dikeluarkan oleh Encik Ramesh.

PEMBEKAL PERKHIDMATAN

Sebanyak 2 vendor telah dijemput untuk membuat pembentangan dan perkenalan syarikat dan servis mereka seperti berikut:

- a) DBMM Jaya Sdn Bhd (berkenaan lampu LED Ogen)
- b) ABAB Safeguard (M) Sdn Bhd (berkenaan perkhidmatan kawalan keselamatan)



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my



PERBINCANGAN

1. Lampu LED Ogen

Wakil syarikat DBMM Jaya Sdn Bhd, Encik M. Muraly dan Encik Vimala memberi penerangan tentang kelebihan produk lampu Ogen tersebut kepada para anggota jawatankuasa. Kelebihan lampu ini adalah dari segi penjimatan elektrik sehingga 75%. Mereka mengesyorkan penggunaan lampu tersebut di dalam dewan badminton. Tujuan asal syarikat ini dijemput adalah untuk menyelesaikan isu pendawaian elektrik yang sering terganggu di dalam dewan.

Ketetapan:

Tiada ketetapan yang dibuat oleh kerana semua AJK bersetuju untuk mencari penyelesaian pendawaian terlebih dahulu dan tiada keperluan untuk perbelanjaan tambahan buat masa kini.

2. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan

Encik Ramesh memaklumkan bahawa ABAB Safeguard (M) Sdn Bhd telah dilantik secara interim untuk menjalankan operasi kawalan keselamatan susulan peristiwa penarikan mengejut oleh syarikat sebelumnya pada 06hb April 2022. ABAB Safeguard akan mengambil alih tugas sementara bermula 06 April 2022 sehingga keputusan perlantikan rasmi dibuat oleh jawatankuasa.

Wakil ABAB Safeguard, Encik Suresh bersama 2 rakannya Encik Siddha dan Encik Joe memberi pembentangan tentang 'manpower', kekuatan kewangan, peneraju syarikat dan sebagainya.

Encik Suresh telah membuat pemantauan kawasan dalam taman. Memandangkan keluasan taman yang agak besar dan juga aliran trafik keluar masuk yang agak tinggi dan rapat, beliau mencadangkan keperluan waktu penyesuaian kerja sekurang-kurangnya 3 bulan. Beliau juga bersetuju untuk menyediakan tenaga kerja seramai 5 pekerja Nepal dan 1 pekerja tempatan untuk setiap syif.




JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

Encik Michael memaklum kepada para anggota jawatankuasa di mana pihak pengurusan telah menerima 3 sebut harga daripada syarikat sekuriti seperti berikut:

1. ABAB Safeguard (M) Sdn Bhd
2. Kris Kawalrapi Sdn Bhd
3. Inspira Security Sdn Bhd

(Butiran sebut harga sila rujuk Lampiran A)



Sebut harga telah dibuka, dikaji dan dibincang oleh para anggota jawatankuasa. Encik Ng Wai Ket mencadangkan mendapatkan sekuriti Nepal bercampur dengan sekuriti tempatan untuk menyenangkan urusan kerja terutamanya dalam isu komunikasi.

Ketetapan:

Dengan jumlah undi sebanyak 8 orang secara angkat tangan, pihak JMB bersetuju untuk melantik ABAB Safeguard (M) Sdn Bhd secara rasmi untuk membekalkan perkhidmatan kawalan keselamatan berdurasi selama 12 bulan dengan syarat berikut:

- a. Penetapan harga sebanyak RM9.00/jam (Sekuriti Nepal);
- b. Penetapan harga sebanyak RM8.50/jam (Sekuriti Tempatan);
- c. Jumlah pekerja seramai 12 orang (6 orang syif pagi & 6 orang syif malam);
- d. Penambahan bilangan pekerja boleh dibuat di masa akan datang sekiranya ada keperluan;
- e. Pihak syarikat sekuriti perlu kerjasama dengan pihak pengurusan dalam mengendalikan isu keselamatan dalam taman (pihak pengurusan sebagai pemantau)

3. Penyerahan Dokumen dan Pembentangan Aplikasi eCommunity oleh Encik Azharuddin dan Encik Liew



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

i. Penyerahan Dokumen

Encik Liew membuat penyerahan rasmi minit mesyuarat jawatankuasa dari tahun 2017-2021 dan juga dokumen-dokumen berkaitan mesyuarat agung tahunan (AGM) 2021 termasuk usul dan cadangan daripada penduduk kepada setiausaha baru, Encik Michael Jude (perlantikan pada 24hb Januari 2022).

En Azharuddin menjelaskan tentang hal-hal berkaitan penyerahan di mana ada 3 perkara yang belum boleh diserahkan selagi belum menerima pengesahan rasmi daripada pihak Pesuruhjaya Bangunan seperti berikut:

- a) Perakaunan, ID dan kata laluan CSS (sistem kewangan dalam talian);
- b) Buku Cek JMB MC Amansiara (belum ada pengesahan rasmi dan penandatanganan cek baru);
- c) Cop Rasmi JMB MC Amansiara (pengerusi atau setiausaha boleh dapatkan cop rasmi di pejabat pengurusan jika diperlukan)

Encik Michael mencadangkan supaya membenarkan Encik Azharuddin dan Encik Liew unruk melanjutkan urusan pejabat mengikut keperluan sehingga mendapat surat pengesahan rasmi anggota jawatankuasa dan perlantikan penandatanganan cek yang baru daripada pihak pesuruhjaya bangunan (COB) supaya tidak membantutkan urusan harian pejabat. Cadangan ini disokong oleh 7 anggota jawatankuasa yang hadir.

Ketetapan:

Encik Azharuddin, Encik Liew dan En Soo Han Wei (penandatanganan cek lama yang masih sah) akan meneruskan urusan penandatanganan cek sehingga perlantikan baru yang sah dibentuk.

Encik Azharuddin akan memaklumkan kedudukan kewangan semasa dari masa ke semasa untuk makluman para anggota jawatankuasa jika perlu.

ii. Aplikasi eCommunity

Encik Liew membuat penyerahan kontrak aplikasi eCommunity yang telah diluluskan oleh anggota jawatankuasa penggal lepas dan menerangkan tentang penggunaan dan kelebihan penggunaan aplikasi eCommunity.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

Salah satu kelebihan yang ketara adalah kawalan pelawat keluar masuk ke taman dengan penggunaan 'QR Code'. Ini boleh melancarkan pergerakan pelawat dengan cara yang lebih terancang, jimat masa dan selamat berbanding cara manual yang digunapakai buat masa sekarang.

Memandangkan syarikat sekuriti baru mengambil alih tugas dan masa diperlukan untuk sekuriti baru memantau dan menyesuaikan diri, Encik Lim Soon Cheong mencadangkan kepada anggota jawatankuasa supaya menangguhkan permulaan eCommunity sehingga satu masa di mana difikir sesuai dan latihan aplikasi eCommunity juga perlu dijalankan semula kepada sekuriti baru.

Ketetapan:

Tiada ketetapan dibuat mengenai penggunaan eCommunity.

Cadangan: Vendor dijemput untuk membuat pembentangan kepada anggota jawatankuasa baru pada mesyuarat akan datang sebelum sebarang keputusan diambil.

4. Hiasan Hari Raya Aidilfitri


Encik Wan Muhammad mencadangkan peruntukan untuk menjalankan kerja pemasangan perhiasan Hari Raya yang akan menjelang awal bulan Mei ini.

Persetujuan diberikan oleh 7 anggota jawatankuasa yang hadir.

Ketetapan;

Perbelanjaan dalam anggaran RM2,500.00 dipersetujui oleh kesemua anggota jawatankuasa yang hadir.

Kerja pemasangan perhiasan di hadapan pondok keselamatan A dan B akan dikendalikan oleh pasukan penyelenggaraan dan dijangka bermula 2 minggu sebelum menjelang hari raya.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 3938 Web: www.amansiara.org.my

5. Perbincangan Usul-usul dan Cadangan Penduduk AGM 2021

Disebabkan dokumen-dokumen usul dan cadangan AGM baru diterima daripada bekas anggota jawatankuasa, maka Encik Ramesh mencadangkan perbincangan di bawa ke mesyuarat akan datang kerana kesuntukan masa.

Cadangan diterima oleh 7 anggota jawatankuasa yang hadir.

Penutup

Pengerusi mesyuarat mengucapkan terima kasih kepada anggota jawatankuasa yang hadir dan mesyuarat bersurai pada jam 10.45pm

Disediakan,

(Michael Jude)
Setiausaha Interim










Diluluskan oleh:

(Ramesh A/L Sandiran)
Pengerusi Interim



Tandatangan Kehadiran – Mesyuarat Jawatankuasa JMB MC Amansiara

Tarikh & Masa: 08/04/2022 / 8-30 pm.


No.	Nama	Tandatangan
1.	Ramesh A/L Sandiran	
2.	Michael Jude	
3.	Sin Chui Ling	
4.	Lim Soon Cheong	
5.	Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim	
6.	Soo Han Wei	
7.	Tam Wei Lun	
8.	Law Siong Guan	
9.	Ng Wai Ket	
10.	Kuah Poh Wei	
11.	Lim Chee Kiong	
12.	Abdul Salam bin Ahmad Suhaimi	
13.	Sauttary A/P D. Elumalai	



LAMPIRAN A

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
JMB MC AMANSIARA

Nama Syarikat	ABAB Safeguard (M) Sdn Bhd	Kris Kawalrapi Sdn Bhd	Inspira Security Sdn Bhd
Alamat	Lot 109, Tingkat 2, Seksyen 7, Off Jalan Bukit, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 03-8737 9330 Fax: 03-8733 9335 Email: invoice.abab@gmail.com	No.45, Jalan Lawan Pedang 13/27, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor. Tel: 03-5511 7951 Fax: 03-5511 7940 Email: support@kriskawalrapi.com	B3-U3-08, Solaris Dutamas, No.1, Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur. Tel: 03-6206 5551 Fax: 03-6206 5551 Email: info@inspirasecurity.com.my
Sijil SSM	201301022940 (1052769-M)	199201018053 (249557-P)	(1327020-V)
Sijil MOF	K10121052792765798	K11718528082475686	K10130566122481926
Sijil KDN	KDN.S.205/642/1-2954 (019153)	KDN.S.205/642/1-1240 (019230)	KDN.S.205/642/1-3147 (017275)
No. Rujukan Sebut Harga	QA/2022/04/34	KKSB/100-2/3/04-22 (04)	ISSB/QUOT/00382/2022
Tawaran Harga	<u>Malaysian</u> 2SG x 12 jam x RM8.50 x 30.5 hari <u>Nepalese</u> 10SG x 12 jam x RM9.00 x 30.5 hari	<u>Malaysian</u> 10SG x 12 jam x RM9.50 x 30.5 hari	<u>Malaysian</u> 10SG x 12jam x RM8.50 x 30.5 hari



[Handwritten signature]